

527  
GURU

KUALA LUMPUR, 19 JUN (BERNAMA)-KERAJAAN TELAH MEMUTUSKAN UNTUK MENAWAR KENAIKAN DUA TANGGAGAJI KEPADA SERAMAI 12,000 ORANG GURU DALAM KETEGORI B1 DAN B2 DIKIRA KEBELAKANGAN MULAI 1 JANUARI 1974.

DENGAN KENAIKAN ITU TIAP-TIAP GURU DALAM B1 AKAN MENERIMA GAJI KEBELAKANGAN SEJUMLAH \$1,040 SEMENTARA DALAM KATEGORI B2 MENERIMA \$750.

MENGUMUMKAN DEMIKIAN DI SATU SIDANG AKHBAR DI SINI HARI INI, MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, DENGAN TAWARAN ITU KERAJAAN TERPAKSA MENGADAKAN PERUNTUKAN \$11.94 JUTA UNTUK BAYARAN GAJI KEBELAKANGAN DAN TAMBAHAN GAJI \$5.97 JUTA TIAP-TIAP TAHUN.

DR. MAHATHIR BERKATA, TANGGAGAJI TETAP TIDAK BERUBAH IAITU: \$205 X 20 - \$580 UNTUK GURU B1 DAN \$175 X 15 - \$370 UNTUK GURU B2.

KATANYA, KERAJAAN TELAH MENIMBANGKAN SEGALA ASPEK SEBELUM MEMBUAT TAWARAN ITU YANG MENURUTNYA SEBAGAI BESAR DAN AMAT MEMUASKAN.

DR. MAHATHIR BERKATA, KESATUAN BERKENAAN BERHAK MENERIMA ATAU MENOLAK TAWARAN ITU. BAGAIMANAPUN BELIAU BERHARAP KESATUAN SEDIA MENERIMANYA BAGI KEPENTINGAN PARA AHLI DAN NEGARA. -- BERSAMBUNG  
HM 1157

559

GURU 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA SOAL GURU KATEGORI B TELAH BERBANGKIT TIGA TAHUN LALU DENGAN PELAKSANAAN LAPURAN AZIZ YANG MEMBESARKAN LAGI PERBEZAAN GAJI ANTARA MEREKA YANG BERKELULUSAN LCE DENGAN SIJIL PERSEKOLAHAN.

MEREKA YANG BERKELULUSAN LCE DITEMPATKAN DALAM KETEGORI B1 DAN B2 SEMENTARA YANG MEMPUNYAI KELULUSAN SIJIL PERSEKOLAHAN DALAM KETEGORI C1 DAN CWM

KATANYA KERAJAAN MENYEDARI ANOMALI INI DAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN GURU TELAH MENGESYURKAN SATU TINGKATAN KENAIKAN KHAS UNTUK GURU-GURU DALAM KETEGORI B.

MENURUT SYUR SURUHANJAYA ITU, MEREKA YANG TELAH MENCAPI GAJI \$480 DALAM TANGGA GAJI B AKAN DINAikkan KETINGKATAN KHAS IAITU \$580 - 720.

OLEH KERANA TAWARAN INI HANYA MEMBERI FAEDAH KEPADA 4,000 DARI 12,000 ORANG GURU YANG TERLIBAT, KESATUAN MERAYU KEPADA KERAJAAN MENURUNKAN TANGGA GAJI IAITU MENGGANTIKANNYA DENGAN TANGGA GAJI BARU DARI \$480 KEPADA \$400 DENGAN MENDAKWA IA MEMBERI FAEDAH KEPADA 8,000 ORANG GURU.

BAGAIMANA PUN, INI TIDAK DAPAT DITERIMA OLEH KERAJAAN DAN DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENCADANGKAN SUPAYA DIRUMUSKAN SATU FORMULA YANG AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA SEMUA GURU.

KATANYA BERDASARKAN KEPADA SYUR INI, KABINET MENGAMBIL KEPUTUSAN KELMARIN UNTUK MEMBERIKAN DUA KENAIKAN GAJI KEPADA SEMUA GURU.

-- BERSAMBUNG 1336/AB

237

560:

GURU 3 KUALA LUMPUR

PENGERUSI JAWATANKUASA TINDAKAN NASIONAL, ENCIK S. RADHAKRISHNAN, YANG MEWAKILI GURU-GURU KATEGORI B BERKATA TAWARAN TERSEBUT ADALAH KURANG DARI APA YANG DIHARAPKAN. BELIAU BERPENDAPAT TIGA KENAIKAN GAJI ADALAH TAWARAN YANG WAJAR.

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK PULA MENYATAKAN SAMA ADA 12 KESATUAN DALAM JAWATANKUASA TINDAKAN ITU AKAN MENERIMA ATAU MENOLAK TAWARAN ITU.

KATANYA JAWATANKUASA AKAN MENGADAKAN MESYUARAT TERGEMPAR MALAM INI BAGI MEMBINCANGKAN TAWARAN TERSEBUT.

KEPUTUSAN MUKTAMAD MENGENAI TAWARAN ITU AKAN DIAMBIL SABTU INI APABILA SEMUA GURU YANG TERLIBAT BERMESYUARAT DI DEWAN PANDU PUTRI DI JALAN BUNGSAR.

DR. MAHATHIR DIJANGKA HADHIR BAGI MENERANGKAN TAWARAN KERAJAAN ITU.

ENCIK RADHAKRISHNAN BERKATA JAWATANKUASA TELAH MENGHANTAR KAWAT KEPADA SEMUA AHLI KESATUAN YANG BERGABUNG MEMBERITAHU TENTANG MESYUARAT ITU.

BELIAU BERHARAP SEMUA GURU DALAM KATEGORI B DAPAT MENGHADHIRI NYA. - BERNAMA 1340/AB